

14/08/1998

Bekas polis beri sokongan padu

MELAKA, Khamis - Persatuan Bekas-bekas Polis Malaysia (PBBPM) memberi sokongan padu kepada kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berhubung isu pemindahan pusat pemeriksaan Kastam, Imigresen dan Kuarantin (KIK) Malaysia dari Tanjong Pagar ke Woodlands, Singapura.

Presidennya, Mansor Jaafar, berkata PBBPM yang mempunyai kira-kira 60,000 ahli di seluruh negara, bersedia menyumbangkan tenaga jika khidmat mereka diperlukan untuk mempertahankan negara.

Katanya, kebanyakan ahli persatuan sanggup melakukan apa saja, termasuk memikul senjata jika perlu, bagi menunjukkan kesetiaan tidak berbelah-bahagi demi menjaga maruah negara.

Beliau berkata, semua ahli PBBPM masih bersemangat waja untuk menegakkan kedaulatan negara walaupun mereka sudah bersara daripada jawatan polis.

"Kami rela berjuang mempertahankan negara jika isu tanah Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) di Singapura itu boleh menyebabkan keamanan negara terganggu," katanya kepada pemberita selepas Ketua Menteri Datuk Seri Abu Zahar Isnin merasmikan mesyuarat agung perwakilan kali ke-23 PBBPM cawangan Melaka di sini, hari ini.

Menurut Mansor, semua PBBPM di seluruh negara juga sedang berusaha untuk menarik lebih ramai pesara polis menjadi ahli persatuan itu.

(END)